

22 FEB 1998

AGONG, DR MAHATHIR UCAP TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN BRUNEI

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar mengutuskan ucapan tahniah kepada Sultan Hassanal Bolkiah sempena sambutan ulang tahun ke-14 hari kebangsaan Brunei Darussalam esok.

Baginda mendoakan semoga persahabatan dan kerjasama antara Malaysia dan Brunei akan terus meningkat dan erat demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat kedua-dua negara.

Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah juga mendoakan semoga Allah sentiasa melimpahkan kurnia dan rahmat-Nya ke atas Sultan Hassanal untuk terus menerajui kepimpinan Brunei ke arah kecemerlangan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula dalam perutusannya kepada Sultan Hassanal mendoakan agar Brunei akan terus makmur di bawah naungan baginda.

Dr Mahathir yang kagum dengan pembangunan pesat Brunei, percaya bahawa lawatan beliau ke negara itu baru-baru ini telah dapat mempererat dan memperkukuhkan lagi persahabatan dan kerjasama antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Brunei.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula menghantar perutusan yang serupa kepada Menteri Luar Brunei Pengiran Muda Mohamed Bolkiah. -- Bernama

MNY oba